

06 APR 1996

Mahathir - Melayu

MELAYU JANGAN JADI BANGSA PELUPA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu tidak harus menjadi pelupa dengan perjuangan dahulu dan sekarang dalam usaha menjadikan Melayu bangsa yang dihormati di dunia.

Beliau mengingatkan kembali zaman penjajah apabila orang Melayu dihina dan dianggap tidak berkebolehan sambil berkata belum sampai masanya bagi orang Melayu untuk relaks dengan keadaan sekarang.

"Perjuangan untuk bangsa, agama dan negara belum selesai, banyak lagi yang harus dibuat, kita perlu berlumba bukan sahaja dengan orang di dalam negara tetapi juga dengan orang asing... kita telah membuktikan kebolehan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Kepimpinan Generasi Muda SeMalaysia anjuran Pergerakan Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, orang Melayu perlu terus belajar untuk kepentingan bangsanya supaya mereka terus dihormati.

"Kita akan dihina jika tiada pencapaian, tidak guna kita ungkit kecemerlangan zaman Hang Tuah, Hang Jebat... orang tidak hormati kita kerana pencapaian nenek moyang kita, orang hormati kita kerana pencapaian hari ini dan untuk itu, kita mesti berusaha, berdisiplin dan berjuang bersungguh-sungguh," katanya.

Perdana Menteri memulakan ucapan dengan memetik ceramah oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman mengenai manusia sebagai insan yang dikurniakan akal tetapi bersifat pelupa dan perlu diperingatkan sepanjang masa.

Menurutnya, kerana sifat pelupa itu, manusia menggunakan kebolehan bertutur atau menulis buku untuk memberi peringatan dan ia dibuat dalam bentuk lebih sofistikated seperti Internet.

Buku menjadi bahan penting untuk mengingatkan manusia tetapi ada juga manusia yang terlupa membaca buku, tambahnya.

Dr Mahathir membangkitkan perkara itu kerana generasi muda Melayu sekarang tidak merasai kesengsaraan hidup di zaman penjajah apabila orang Melayu dihina dan dianggap bangsa yang tidak berkebolehan.

Keadaan itu pernah menyebabkan orang Melayu yakin mereka benar-benar tidak berkebolehan tetapi segelintir orang Melayu yang menyedari keadaan itu telah berjuang melalui UMNO dan mengembalikan kehormatan dan keyakinan bangsa.

Beliau menceritakan pengalaman hidupnya pada zaman penjajahan British, Jepun dan Siam dan bagaimana beliau sendiri ketika itu hanya boleh melihat seorang tua Melayu disepak oleh tentera Siam kerana tidak berhenti untuk menghormati lagu kebangsaan Thai untuk acara menurun bendera Thai.

Apabila negara merdeka, orang Melayu berasa bangga dengan kerajaan sendiri tetapi lama kelamaan mereka hilang keghairahan dengan pemerintahan sendiri.

"Kita lupa bahawa alangkah baiknya nasib kita memerintah negara sendiri, dalam masa itu kita mungkin tidak menghargai lagi kerajaan kaum bangsa kita yang seagama dengan kita, sebaliknya kita bermusuhan dengan kerajaan, kita berusaha untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

Keadaan orang Melayu berlawan sesama sendiri itu merugikan kerana banyak tenaga dan masa dihabiskan dengan kegiatan yang tidak bermanfaat sedangkan masa itu lebih berguna untuk membangunkan Malaysia sebagai negara

yang dihormati dunia.

Beliau bersyukur kerana keadaan sebegitu tidak seburuk di negara lain seperti di sebuah negara yang rakyatnya ghairah dengan pemerintahan demokrasi, tetapi parti pembangkang menyalahgunakan kebebasan demokrasi untuk menunjuk perasaan dan mogok sehingga negara menjadi tidak stabil dan pembangunan tidak dapat dijalankan.

Dr Mahathir mengingatkan orang Melayu supaya bijak menggunakan demokrasi dan pilihan raya kerana jika disalahguna, ia akan membawa padah seperti berlaku di negara itu.

"Jangan fikir apa yang berlaku di negara lain tidak boleh berlaku di negara ini," katanya.

Perdana Menteri mahu generasi muda bersyukur dengan kejayaan yang dicapai negara sekarang dan tidak mengambil tindakan yang boleh memburukkan keadaan kerana mereka akan mewarisi perjuangan untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Mereka tidak seharusnya asyik berseronok dan meniru budaya Barat seperti lelaki berambut panjang, bersubang dan membalut kepala dengan sapu tangan, sebaliknya harus meniru kepintaran, kecekapan dan ilmu Barat.

Beliau menaruh harapan yang besar agar generasi muda memikul tanggungjawab merealisasikan Wawasan 2020 kerana pemimpin sekarang mungkin tidak ada lagi untuk meneruskan perjuangan yang mengambil masa yang panjang.

Konvensyen dua hari itu disertai lebih 1,000 anggota pergerakan Pemuda dan peserta luar. -- BERNAMA

AFY FAZ